

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
TUAN HAJI WAN PA BIN WAN HUSSIN
PENDIDIKAN DAN KEJURULATIHAN

OLEH:

MUHAMMAD FUAD BIN OTHMAN	2018238508
MUHAMAD LOKMAN BIN ZAKARIA	2018401502

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (OKTOBER 2020 – FEBRUARI 2021)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Salam penghargaan kami huluskan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyelesaikan tugas IMR 604 (Pendokumentasian Sejarah Lisan) kami ini. Assalamualaikum W.B.T diucapkan.

Kami ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Puan Nurulannisa Binti Abdullah, pensyarah IMR 604 di atas segala tunjuk ajar, nasihat dan dorongan beliau dalam menyelesaikan tugas ini. Tanpa bantuan dan maklumat daripada beliau, kami mungkin tidak dapat menyelesaikan tugas ini dengan jayanya.

Di samping itu, kami juga ingin merakamkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuan Haji Wan Pa Bin Wan Hussin sebagai tokoh yang kami temubual bagi berkongsi pengetahuan beliau tentang sejarah dan latar belakang sebagai guru dan jurulatih.

Selain itu, kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli keluarga yang tidak putus-putus memberi sokongan dan dorongan kepada kami untuk menyiapkan transkrip ini. Kami amat menghargainya dan kami akan menjadikannya sebagai perangsang untuk menyiapkan transkrip ini dengan bersungguh-sungguh.

Seterusnya, kami juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang menjayakan tugas ini. Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: *Temubual ini dilakukan bersama Mantan Guru Di Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Gunung iaitu Tuan Haji Wan Pa bin Wan Hussin untuk mengetahui tentang perkhidmatan beliau dalam kerjayanya sebagai Guru. Temubual ini dijalankan di secara bersemuka. Beliau telah memulakan kerjaya beliau pada tahun 1982 hingga 2019. Semasa beliau masih lagi bergiat aktif dalam bidang perguruan, beliau telah banyak menyumbangkan idea terutamanya dalam bidang akademik dan kokurikulum. Antara sumbangan yang dilakukan dalam bidang pendidikan ialah beliau telah berjaya menghasilkan atlet-atlet sekolah yang mewakili sekolah ke peringkat sekolah, daerah dan juga peringkat negeri. Antara pencapaian yang dikecapi oleh Tuan Haji Wan Pa bin Wan Hussin ialah beliau memperoleh Sijil Kursus Kepegawaian Bola Baling Peringkat Kebangsaan pada tahun 2006. Beliau juga memperoleh sijil sumbangan dan khidmat bakti sebagai Pengurus Pasukan Bola Baling Lelaki Bawah 12 MSSM pada tahun 2006. Sejarah Pendidikan, kehidupan , kerjaya serta sumbangan beliau terhadap masyarakat boleh dijadikan inspirasi dan contoh kepada orang ramai.*

Kata kunci: *Tokoh,Pendidikan,Guru,Kejurulatihan,Pencapain*

Abstract

This interview was conducted with a former teacher at Sri Gunung National Secondary School, Tuan Haji Wan Pa bin Wan Hussin to find out about his service in his career as a teacher. This interview is conducted through face to face. He started his career from 1982 to 2015. While he was still active in the field of teaching, he has contributed a lot of ideas especially in the academic and co-curricular fields. Among the contributions made in the field of education is that he has successfully produced school athletes who represent the school to the school, district and even state levels. Among the achievements achieved by Tuan Haji Wan Pa bin Wan Hussin is that he obtained the National Level Handball Staffing Certificate in 2006. He also obtained a certificate of contribution and service as the Manager of the MSSM Under 12 Men's Handball Team in 2006. History of Education, his life, career and contribution to society can be an inspiration and example to the public.

Keyword: Figures, Education, Teachers, Coaching, Achievements

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i-ii
Abstrak.....	iii-v
Isi Kandunagan.....	vi-vii
Biodata Tokoh.....	viii-ix
Pengenalan.....	x-xi
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	1-3
Bahagian 2: Sejarah Pendidikan.....	4-6
Bahagian 3: Sejarah/Pengalaman Di Universiti.....	7-12
Bahagian 4: Pengalaman Kerjaya.....	13-26
Bahagian 5: Pencapaian.....	27-29
Bahagian 6: Sumbangan.....	30
Bahagian 7: Harapan.....	31-33
Rujukan.....	34-35
Lampiran	36-39
Log Wawancara.....	40-43
Diari Kajian.....	44-47
Senarai soalan.....	48-55
Surat Perjanjian.....	56-57
Indeks.....	58-60

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Nama : Tuan Haji Wan Pa Bin Wan Hussin
Nama Panggilan : Cikgu Wan
Umur : 62
Tahun Lahir : 25 Februari 1959
Tempat Lahir : Bachok, Kelantan : Berkahwin
Status : SMK Sri Gunung
Pekerjaan

PENGENALAN

PENGENALAN

Tokoh bermaksud sebagai orang yang ternama atau dikenali oleh masyarakat setempat dan berjasa khususnya kepada komuniti setempat. Kajian dibuat mengenai seorang tokoh pendidik yang banyak berjasa dalam bidang pendidikan tinggi iaitu Tuan Haji Wan Pa bin Wan Hussin. Beliau telah memulakan kerjaya beliau pada tahun 1982 dengan mengajar di SMJK Tiung Hwa di Sandakan, Sabah. Beliau adalah seorang Guru Akademik Biasa di SMK Sri Gunung. Tuan Haji Wan Pa Bin Wan Hussin lahir pada 25 Februari 1959. Beliau tinggal di Kampung Keting, Gunung, 16390 Bachok, Kelantan. Beliau memiliki 7 orang cahaya mata iaitu 5 lelaki dan 2 perempuan manakala nama isteri beliau ialah Pn. Saleha Binti Abdullah. Isteri beliau merupakan seorang guru matematik di SK Kubang Telaga. Beliau kini mengajar di SMK Seri Gunung, Bachok, Kelantan.

Beliau telah menyandang banyak jawatan di peringkat Sekolah, Daerah dan Negeri. Jawatan yang disandang oleh beliau di peringkat sekolah ialah Pengerusi Teknik Sukan Sekolah dan Jurulatih Olahraga dan Bola Baling. Beliau telah mengharumkan nama sekolah beliau dan telah menghasilkan ramai atlet sekolah yang mewakili ke peringkat Daerah, Negeri dan Kebangsaan. Jawatan yang disandang oleh beliau di peringkat daerah pula ialah Jurulatih Olahraga dan Setiausaha Teknik Olahraga. Manakala jawatan yang disandang oleh beliau di peringkat negeri pula ialah Jurulatih Bola Baling, Setiausaha Teknik Bola Baling dan Pengerusi Teknik Permainan Bola Baling. Beliau telah diberi sijil perkhidmatan yang cemerlang disebabkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam pendidikan dan kejurulatihan. Bersama- sama kami ialah Tuan Haji Wan Pa Bin Wan Hussin yang merupakan seorang Guru Akademik di SMK Sri Gunung dan Jurulatih serta Setiausaha Olahraga peringkat sekolah, daerah dan negeri Kelantan. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 12 Januari 2021 bersamaan dengan hari Selasa pada pukul 12 Tengahari yang diadakan secara temubual bersemuka. Temubual ini dikendalikan oleh Muhammad Fuad dan Muhamad Lokman. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

PETUNJUK:

WP: Wan Pa bin Wan Hussin

MF: Muhamad Fuad Bin Othman

ML: Muhamad Lokman Bin Zakaria

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

WP : Saya sebenarnya.... [berfikir] amat berterima kasih kepada Fuad dan juga Lokman kerana *mari* [datang] jauh ni untuk temuduga saya. Jadi saya minta maaf kerana tak dapat temuduga secara *online* [atas talian] kerana masalah internet di kampung saya. Jadi seperti yang dinyatakan oleh awal, saya Haji Wan Pa Bin Wan Hussin biasanya orang panggil Cikgu Wan.

MF : Assalamualaikum cikgu, boleh cikgu bercerita serba sedikit tentang diri cikgu seperti nama penuh dan nama panggilan cikgu?

WP : Nama saya Wan Pa bin Hussin dan setengah orang panggil stopa dan ada yang panggil Cikgu Wan ada itu nama biasa nama kampung dan kiranya nama panggilan.

MF : Berapakah umur cikgu sekarang dan dimanakah tempat kelahiran cikgu?

WP : Saya dilahirkan di.... [berfikir] Kampung Ketil Pengkalan Kubur, masa itu daerah Tumpat Pengkalan Kubor, Tumpat dan umur saya sekarang 61 tahun.

MF : Bilakah Tarikh Lahir Cikgu?

WP : Saya dilahirkan pada tanggal 25 Februari 1959

MF : Di manakah tempat tinggal cikgu sekarang?

WP : Saya menetap di lot 3216 Kampung Keting Gunung.

MF : Berapakah bilangan adik beradik cikgu, boleh cikgu ceritakan?

WP : Bilangan adik-beradik lapan dan saya anak yang ke keempat.

MF : Apakah nama isteri cikgu?

WP : Nama isteri Saleha Binti Abdullah.

MF : Berapakah bilangan anak cikgu?

WP : Anak saya seramai 7 orang dan lelaki 5 perempuan 2.

MF : Adakah anak cikgu masih lagi belajar atau sudah berkerjaya?

WP : Semua sudah berkerja kecuali yang *bongsu* [anak terakhir] masih lagi belajar di GIATMARA.

MF : Apakah antara pekerjaan anak-anak cikgu?

WP : Yang sulung tu bekerja di.... [berfikir] Kuala Lumpur sebagai *technician* [juruteknik], yang kedua sebagai *editor* [penyunting] bersama-sama Ustaz Asyraf yang mengajar Al-Quran Online kemudian yang ketiga, bekerja di Johor kerja biasa sebagai technician fotostat komputer kemudian yang yang keempat masih lagi tak bekerja dan baru bekerja di tadika dan seterusnya dia bekerja sebagai fisioterapi di sebuah syarikat swasta.

MF : Adakah semua anak cikgu sudah berkahwin?

WP : Tiga yang sudah berkahwin.

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN

MF : Mengenai sejarah pendidikan cikgu pula, boleh cikgu ceritakan, dimanakah cikgu menerima pendidikan sekolah rendah?

WP : Sekolah Kebangsaan Pengkalan Kubur kemudian peringkat sekolah menengah rendah tingkatan 1 dan 3 Sekolah Rendah Cabang 4 Tok Mek Ngoh kemudian tingkatan 4 dan 5 di Sekolah Menengah Tumpat, kemudian saya belajar semula sekolah swasta Institute Pertama kalau kawasan sekarang di sebelah Maahad Muhammadi dan Pantai Timur, Semasa cikgu dulu banyak sekolah swasta IPT terdekat iaitu di Stadium dan lain-lain semasa itu.

MF : Apakah cita-cita cikgu semasa di sekolah?

WP : Masa sekolah dulu tidak ada cita-cita kerana memikirkan untuk meneruskan pelajaran.

MF : Apakah subjek kegemaran cikgu semasa di sekolah?

WP : Matematik dan Sains.

MF : Apakah pengalaman manis cikgu di sekolah rendah?

WP : Mengenang kenangan manisnya, ada sekolah atap macam sekarang adalah macam sekolah bantuan *PIBG* [Persatuan Ibubapa dan Guru] dan bawah itu berlantaikan pasir saya sempat lagi sebab tu sebelum bangunan baru dia ada sekolah kampung bantuan orang kampung untuk buat sekolah sebenarnya orang sayang untuk guru sebagai satu sejarah untuk masa tu jadi lantainya pasir dan kerusinya panjang dan

untuk duduk ramai-ramai lama kemudian di belakang sekolah saya semak ada hutan dan pohon Kemunting dan buahnya manis apabila pulang sekolah saya akan pergi mengutip buah tersebut.

MF : Di Universiti manakah cikgu melanjutkan pelajaran selepas tamat sekolah menengah?

WP : Sebenarnya selepas tamat sekolah menengah saya belajar di Maktab Perguruan Persekutuan Pulau Pinang. Semasa itu saya ambil *STPM* [Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia] dan masa tu orang panggil tidak mendapat sijil penuh kerana dulu dia bukan A,B,C, macam sekarang sebab dulu dia ada separuh, kalau tidak mendapat cukup *point* [mata], tidak mendapat sijil penuh saya meminta menyertai Maktab Perguruan pada sesi 81/82 di Maktab Perguruan Pulau Pinang.

MF : Adakah cikgu pernah mengikuti kursus-kursus profesional yang lain selain daripada bidang yang cikgu ambil semasa di universiti?

WP : Memang kursus profesional maksudnya saya banyak mengikuti kursus kejurulatihan di maktab dan juga semasa mengajar dan saya juga ambil kursus komputer asas komputer dan selepas itu sebenarnya saya masuk universiti secara *PJJ* [Pengajian Jarak Jauh] lepas maktab saya mengajar di Sabah selama lima tahun lebih kurang dan masa itu buka *PJJ* [Pengajian Jarak Jauh] dalam jurusan ekonomi Universiti Kebangsaan Malaysia.

MF : Semasa bersekolah, apakah pencapaian yang tidak boleh dilupakan semasa belajar?

WP : Pencapaiannya semasa saya mewakili sekolah, Semasa itu saya darjah 6 jadi saya mewakili sekolah dalam acara bola sepak dan pasukan saya kalah diperlawanan

akhir. Walau macam mana pun, pasukan Sekolah Pengkalan Kubur dimain di Sekolah Kebangsaan Chabang Empat tak silap saya.

MF : Adakah cikgu suka bersukan semasa di sekolah?

WP : Saya memang suka bersukan, masa itu sukan tidak luas sangat bola sepak biasa nya, biasanya bola sepak dan lain-lain permainan tiada.

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3: SEJARAH/PENGALAMAN DI UNIVERSITI

MF : Baiklah, mengenai pengalaman cikgu di universiti, Apakah yang menyebabkan cikgu ingin menjadi seorang guru?

WP : Jadi teretusnya minat saya kepada bidang guru ni apabila saya sekolah menengah, jiwa saya rasa tertarik dengan guru dan masa itulah tertarik dengan bidang ini.

MF : Boleh cikgu ceritakan tentang pengalaman pembelajaran di universiti?

WP : Di maktab sikit sangat teknologi yang digunakan kemudian bila saya beralih ke *PJJ* [Pengajian Jarak Jauh] banyak kemudahan dan teknologi yang diberi seperti akhir-akhir ini berbanding dengan sekarang ini memang letusan teknologi memang tidak boleh dielak. Jadi masa dahulu memang ada tetapi sedikit sangat teknologi yang digunakan.

MF : Di manakah lokasi belajar cikgu ketika itu?

WP : Di maktab tu perguruan Pulau Pinang di Bukit Gelugor kemudian PJJ saya buat di bangunan sementara di Tanjung Chat Kolej Tun Abdul Razak di hadapan balai polis di sewa di situ bila pensyarah dari UKM dia buat kuliah di situ pada hari minggu iaitu hari Jumaat dan Sabtu.

MF : Apakah jenis kemudahan yang ada zaman cikgu belajar di Universiti? (Kantin, gerai, kafe, makmal, perpustakaan, rekreasi dan sebagainya)

WP : Memang ada dan mencukupi, cuma dari segi kemudahan seperti teknologi memang kurang semasa itu. Saya belajar menggunakan *Slide projector* [Projektor slaid]. Selain itu, tiada lagi orang guna komputer cuma *overhead* [keseluruhan] *projector slide*

[Projektor slaid] serta projector sekolah. Masa itu di sekolah jarang menggunakan menggunakan teknologi, Jadi cikgu menggunakan manila kad, pada zaman dahulu dan juga poster- poster.

MF : Adakah cikgu masih ingat siapakah ketua fakulti ketika itu?

WP : Saya tak ingat sebab dah lama sebab masa itu saya masuk UKM pun bukan sepenuh masa jadi jarang sangat berjumpa dengan ketua fakulti.

MF : Apakah subjek kegemaran cikgu ketika belajar di Universiti?

WP : Apa semua ...[berfikir] kos ekonomi, statistik dan pengiraan seperti matematik.

MF : Adakah cikgu pernah terlibat dalam sebarang aktiviti persatuan pelajar ketika di universiti?

WP : Saya tidak menyertai sebarang gerakan semasa berada di universiti hanya menjadi penyokong sahaja.

MF : Adakah cikgu pernah mewakili fakulti dalam kategori sukan dan kokurikulum?

WP : Ini memang bidang saya, sebenarnya semasa di maktab saya menyertai sukan ragbi dan olah raga. Ragbi masa itu saya mewakili Maktab dan juga mewakili bawah umur 23 tahun Pulau Pinang, saya ingat lagi masih ada parut di kepala saya semasa *accident* [kemalangan] ketika bermain.

MF : Adakah cikgu pernah menerima apa-apa anugerah atau penghargaan sepanjang berada di universiti? (Sekiranya ada, apakah penghargaan yang diterima tersebut?)

WP : Ragbi dan juga bola sepak jadi kelas cikgu Johan bola sepak antara unit dan masa itu juga saya minat dalam catur, saya ingat saya boleh Johan dalam peringkat kelas bukan seluruh tapi hadiahnya medal sahaja [ketawa].

MF : Bagaimanakah cara cikgu menguruskan kewangan sepanjang berada di universiti?

WP : Kewangan semasa di maktab saya mendapat elaun RM150 sebulan. Jadi dalam tempoh sebulan itu kami belum mendapat elaun tersebut kerana masih dalam proses jadi kami terpaksa mengikat perut dan saya ingat lagi ibubapa saya hantar *postal order* [pesanan pos] kerana tidak boleh bank-in seperti sekarang kemudahan semasa itu ialah BSN untuk menukar duit dan ia dipanggil *postal order* [pesanan pos] dan Itulah kemudahan untuk menghantar duit pada masa itu, kami menerima dalam bentuk sampul surat dan kami pergi menukar duit seperti menukar cek pada zaman sekarang, Selain pada itu ibu bapa saya sebagai nelayan dan ibu saya menjual atau menjaja di dalam kawasan kampung jual nasi berlauk dan lain-lain jadi sumber kewangan itu memang terhad tapi jadi saya terpaksa berjimat. Jadi yang saya ingat lagi sewaktu saya berada dimaktab ada botol-botol minuman saya jual untuk membeli makanan.

MF : Adakah cikgu pernah mengikuti lawatan sambil belajar sepanjang berada di universiti?

WP : Ada, lawatan sambil belajar ke maktab teknik maktab bahasa di Pulau Pinang lawatan sambil belajar dan juga *training batch* [perlawanan persahabatan] ragbi dengan maktab teknik.

MF : Bagaimana dengan kawasan tempat tinggal atau penginapan pelajar sepanjang berada di universiti?

WP : Semasa belajar di maktab Saya tidak pernah masuk asrama dan saya menyewa di kawasan perumahan yang berhampiran dengan maktab dan kami terpaksa jalan kaki tetapi tidak jauh sangat dalam 2 km sebagai *exercise* [senaman] kerana motosikal jarang sangat pada waktu itu.

MF : Bagaimana dengan kemudahan kenderaan sepanjang berada di universiti?

WP : Memang tiada kenderaan kebanyakan jalan kaki kadang-kadang menumpang kawan-kawan menaiki motosikal selain itu, jalan kaki ketika tiada bas jika bas lewat terpaksa jalan kaki untuk ke maktab.

MF : Bagaimanakah cara pelajar zaman dahulu berkomunikasi ketika membuat kerja berkumpulan, perbincangan atau ulangkaji?

WP : Jadi memang dahulu masalah telefon tidak semua orang ada dengan ada *WhatsApp* nya dulu memang tiada. Kemudian seperti itu, jadi apa-apa program atau perjumpaan kita maklum lebih awal jika kita maklum lebih awal, Begitu juga bagi pihak pentadbir jadi alat komunikasi paling utama pada masa itu ialah papan kenyataan jadi semua pelajar akan merujuk papan kenyataan beberapa kenyataan ada tulis tentang fakulti kita dan pensyarah kita jadi masalah telefon begitu juga dengan pelajar-pelajar lain maklum lebih awal jadi kalau kita nak buat *grup* [kumpulan] apa kena maklum lebih awal bagi yang *takda* [tiada] kemudahan telefon pada masa itu. Seperti telefon bimbit pada zaman sekarang ketika itu tahun 1982 sudah ada yang mengguna telefon tetapi besar dan membawa *arial* [antenna] tapi kita tidak mampu.

MF : Berapakah anggaran kos perbelanjaan cikgu ketika belajar di Universiti (buku-buku rujukan, yuran dan sebagainya.)

WP : Kalau kira kos masa itu kalau tidak silap cikgu ada elaun RM150 tetapi kerana pada masa itu yuran tiada. Kemudian pembelajaran tidak besar sangat semasa maktab kalau fikir elaun RM 150 sebulan kalau kira RM 10 sehari dan tambah duit poket sendiri kemudian saya blajar secara PJJ memang banyak belanja pasal kena bayar sendiri kalau tak silap saya tidak kurang 3 ribu satu semester.

MF : **Bagaimanakah kaedah pembelajaran ketika belajar di Universiti?**

WP : Belajar di universiti banyaknya belajar secara bersemuka Jadi ada juga masa tertentu belajar secara *outcampus* [luar kampus] jadi masa itu kita akan ke UKM di fakulti ekonomi untuk bertemu dengan pensyarah selain daripada dia datang ke kota baru untuk mengajar pada masa itu juga kita pergi ke UKM untuk bertemu dengan pensyarah misalkan kita perlu membuat kerja kursus kita perlu pergi berjumpa dengan pensyarah.

MF : **Bagaimana cara cikgu mengurus masa ketika belajar di Universiti?**

WP : Jadi.... [berfikir] oleh kerana belajar secara PJJ hujung minggu dan tiada masalah dan tidak mengganggu masa saya mengajar kecuali mungkin masa peperiksaan ada gangguan sedikit tetapi kemudahan seperti cuti daripada majikan. Tidak jadi masalah sebab kita mungkin satu minggu cuti untuk exam. Ketika itu saya juga menjadi seorang guru di di Beris Panchor dan mengajar di SMK Seri Gunung

MF : **Berapa subjek yang diambil setiap semester ketika cikgu belajar di Universiti?**

WP : Biasa kalau tak silap 5 atau pun 4 setiap semester.

MF : Pandangan cikgu pada masa itu tentang pengetahuan mengenai prospek kerjaya seorang guru?

WP : Dia memang apa ni kalau tidak saya tidak sambung belajar saya sudah bekerja dan juga kalau kita masuk secara penuh akan jadi separuh gaji kecuali kita buat Master lain dia bagi elaun untuk buat Master jadi masa itu saya nak untuk ijazah dan sudah berkeluarga dan kalau nak masuk secara terus ke UKM bukan secara PJJ tidak mampu. Prospek dia tidak masalah sebagai guru untuk meningkat kan ilmu selain dari gaji [ketawa] kalau masuk universiti ilmu lebih dan saya sentiasa belajar dan pada masa itu saya tidak tahu tentang komputer saya sanggup belajar komputer berbayar hujung minggu saya pergi belajar. masa itu pada peringkat sekolah memang rendah pengetahuan tentang komputer masih lagi tidak celik komputer.

TAMAT BAHAGIAN 3

BAHAGIAN 4: PENGALAMAN KERJAYA

ML : Sebelum cikgu memulakan pekerjaan sebagai seorang guru apakah pekerjaan awal yang pernah cikgu ceburi?

WP : Alhamdulillah ini soalan yang dipanggil soalan panas memang saya pernah jadi nelayan dan saya pernah dua kali ke Singapura sebagai *mat kontrak* [buruh binaan] ke panggil kerja rumah batu dua kali. Esok masuk minggu periksa di antara SPM dan STPM. Jadi 3 bulan untuk dapat keputusan kebetulan *bapak*[bapa] saudara saya bekerja di sana dan untuk kenal tempat dan masa tu untuk cari kerja. Dari segi nilai matawang tidak jauh sangat tetapi kerja di Singapura kita tersohor pada masa itu dan kalau nak beli barang macam kain batik, buah epal boleh jugak beli di Singapura. Saya pernah jadi nelayan kebetulan ayah saya penat nelayan dan ada bot kecil dan saya pernah jadi tekong bot yang kecil 30 kuasa kuda untuk kawasan pesisir pantai. Saya juga bekerja pelbagai kecuali saya tidak bekerja kelapa sawit dan getah sahaja yang lain saya pernah jadi. Semasa mengajar saya beritahu kepada pelajar supaya tidak memilih pekerja selagi termampu. Pernah saya balik sekolah 2.00 saya pergi ke Jeti untuk memikul obor-obor dan dikeringkan untuk hantar ke Jepun dia macam satay keropok yang cucuk lidi masa itu saya umur tingkatan 4 dan pernah balik kerja sampai pukul 2 pagi dan pergi sekolah keesokan paginya tetapi ponteng sekolah jarang sekali.

ML : Tahun bila cikgu mula mengajar di sekolah?

WP : Pada bulan 5 1982.

ML : Apakah Sekolah pertama yang cikgu mengajar?

WP : SMJK Tiong Hwa, Sandakan Sabah.

ML : Antara sekolah yang pernah cikgu mengajar?

WP : [melihat telefon] Smk Tiong Hwa, Smk Batu Gajah Tanah Merah, Smk Badak Bachok, Smk Batu Mengkebang, Smk Beris Panchor, Smk Seri Gunung

ML : Apakah bidang subjek yang cikgu mengajar?

WP : Saya mengajar pendidikan Sains dan juga ICT

ML : Apakah subjek kegemaran yang cikgu suka mengajar?

WP : Sebenarnya dua-dua (sains dan ICT) ni paling minat dah tapi saya paling minat ICT saya mengajar sains melalui ICT juga.

ML : Apakah Subjek pertama yang cikgu mengajar?

WP : Di Sabah tu saya mengajar bahasa Melayu, bahasa Malaysia sebab disana mana-mana Cikgu pun dia kena mengajar bahasa Malaysia kerana orang di sana bahasa Malaysia ni masih kurang Sabah, Sarawak siapa siapalah selepas *posting* [hantar] mesti ada subjek bahasa Melayu walaupun dalam bidang lain kecuali ada Cikgu dah.

ML : Adakah sekolah cikgu jenis berasrama penuh atau biasa?

WP : Sekolah biasa sekolah harian semua sekolah harian daripada mula-mula mengajar sampai SMK Seri Gunung.

ML : Adakah sekolah cikgu dibahagi kepada dua sesi iaitu sesi pagi dan petang?

WP : Ok, masa SMK Tiong Hwa ada 2 sesi dan semasa Beris Pancho juga dua sesi perkara ini disebabkan pertambahan pelajar dan dibanding sekarang di Beris Pancho

ada Sekolah Kubang Golok, Beris Panchor 2 dulu hanya dua sekolah Beris Kubu Besar dan Beris Panchor jadi pelajar-pelajar sekitar pergi ke beris Kubu Besar dan beris Pancho. Jadi kalau berdekatan dengan SK Raja Sakti Kedai Lalat yang terdekat.

ML : Berapa anggaran pelajar pada masa itu?

WP : Seribu lebih sekolah terakhir dalam 1200 dan 1400.

ML : Kaedah yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P)?

WP : Saya sebagai penyelaras bestari tugas menjaga makmal komputer jadi saya banyak menggunakan komputer dalam pembelajaran selain daripada makmal eksperimen.

ML : Pada pendapat cikgu, apakah perbezaan antara murid pada zaman dahulu dengan murid sekarang?

WP : Sebabnya kalau nak banding Apa ni tahun 80-an saya mengajar pelajar Cina. Pelajar Cina ini ibu bapa lebih terbuka saya bagi contoh situasi Cikgu boleh pukul anak saya syaratnya adalah anak saya buat salah nak rotan ke nak apa-apa pun atas dasar denda jadi asalkan anak saya berbuat salah. Kemudian kita pindah kepada tahun 90-an bila saya balik ke Semenanjung nak ajar lain lah suasananya misalnya Batu Gajah Tanah Merah kawasan kampung kita perlu sesuaikan dengan pelajar kampung dengan cara kita tapi sebagai pendidik Kita tidak perlu takut kepada pelajar-pelajar yang boleh terima tetapi ada ibubapa yang tidak menerima dan mengatakan anak dia betul selalu saya pernah dikejar dengan parang di sekolah Batu Gajah Tanah Merah. Jadi pelajar itu dan ibu bapanya saya kenal jadi pelajar itu di di Felda Kemahang jadi dulu tiada sekolah kebangsaan tahun 86 tiada lagi sekolah di Kemahang Jadi ada seorang pelajar yang tidak pergi sekolah pergi jaga *Fun Fair* [Taman tema] di Tanah Merah jadi kita maklum kepada ibubapa jadi saya tanya banyak ke boleh duit dan ibubapannya terus marah kepada saya. dan jauh lagi

berbanding pada zaman saya belajar dahulu, Contohnya kalau kita buat kesalahan cikgu rotan ataupun pukul tak balik dah cakap dekat ibu bapa takut kena tambah sekarang kebanyakannya ibubapa terima maklumat 100 peratus daripada pelajar dan menyebabkan seorang cikgu dan sebagainya dengan cikgu dan percaya satu peratus kepada anaknya sepatutnya kena selidik dahulu apa berlaku bila berlaku mintak maaf benda sudah berlaku. Ada satu kes saya mengajar di Batu Gajah satu cikgu disiplin memang wajib jadi berlaku pelajar datang lewat jadi berlaku sesuatu menyebabkan keadaan kecoh melibatkan pemberita membuat cerita dan berita itu keluar surat khabar. Pemberita datang jumpa dengan pengetua tetapi pengetua tidak melayan dan memberitahu sebelum awak bawa keluar cerita tu awak kena jumpa dengan pihak kami dulu jadi awak tak perlu cakap apa lagi sila keluar. Sebelum awak keluarkan berita awak perlu memastikan kesahihan berita itu melalui dua pihak kalau tidak berlaku salah faham dan kalau awak nak membetulkan pula sudah susah. Ada sekali budak itu bercerita berjumpa di stesen minyak dan berkata maaf cikgu yang membuat repot itu bukan saya tetapi orang lain yang suruh untuk membuat report tentang Cikgu iaitu orang ketiga itu orang yang sudah tidak berpuas hati dengan cikgu.

ML : Bagaimana cara cikgu mengawal pelajar di dalam kelas dengan baik?

WP : Biasanya pelajar-pelajar kelas belakang cikgu lelaki yang mengajar jadi kalau sekolah harian biasa mana-mana sekolah pun 3 kelas belakang mesti pelajar-pelajar yang *slow* [perlahan] buku ada pun tiada kadang-kadang itu ada sebuah buku sahaja yang dibawa, kalau di tanya kenapa datang sekolah dia cakap ibu suruh datang ke sekolah.

ML : Adakah cikgu pernah merasa tertekan semasa menjadi seorang guru?

WP : Oh, memang kadang-kadang semasa tertekan jadi apabila kita berkeras dengan pelajar timbul konflik jadi kes. Alhamdulillah saya ni lebih kepada Cikgu disiplin

jadi maksudnya semua cikgu ni Cikgu disiplin tapi ada setengah cikgu ni tidak ambil tahu kerana masalah disiplin ni masalah besar di sekolah. Masalah disiplin ni ni melibatkan kelas-kelas belakang masalah ponteng masalah rokok adalah masalah biasa tapi sebenarnya kita kena ada kebijaksanaan seperti tadi tersilap faham iaitu saya pernah tersalah tampar semua pernah jadi satu kesnya apabila masa tu masa *PJ* [Pedidikan Jasmani] adalah orang *JPJ* [Jabatan Pengangkutan Jalan] datang taklimat untuk pelajar-pelajar buat lesen saya suruh semua pelajar untuk masuk dalam dewan Duduk atas kerusi selepas selesai ceramah susun kerusi balik jadi pelajar tersebut selepas majlis tinggal begitu sahaja dengan suara *derah* [lantang] saya panggil mari "*belako*" [semua] saya pun bagi *tipah* [pukul] setiap sorang tidak la kuat mana tapi ada seorang pelajar ini terkuat yang tidak masalah dan saya berjumpa dengan ibubapa dan menerangkan hal yang sebenar jadi perkara itu selesai. Jadi saya tidak pernah dipukul oleh ibubapa. Sebab bidang sukan ini memang kita kena asuh budak kerana budak-budak kelas belakang ni minat sukan jadi bila, Walaupun kita bercakap kasar dengan mereka-mereka tidak marah sukan ni dia kena kasar dia ada kelas belakang ni saya bagi nasihat awak nak belajar kurang boleh janji sekurang-kurangnya ada sijil sukan sijil tu pakai sekarang ni. Lepastu ada seorang pelajar ni dia kurang dalam belajar tapi dalam sukan dia mewakili Kelantan oleh sebab itu dia boleh masuk IPG boleh masuk UPM ramai dan kalau kira kelas belakang tapi kena ada sijil sukan tapi kena taraf tinggi paling-paling tidak wakil Kelantan.

ML : Apakah cabaran yang dihadapi ketika cikgu sedang mengajar di dalam kelas?

WP : Cabaran ni memang banyak misalan dalam ICT pelajar menghadap komputer kadang-kadang kita tak bagi buka komputer itu kita gunakan projektor di hadapan jadi ada yang bermain-bermain tapi itu menjadi perkara biasa jadi itu jelah masalah nya dalam ICT. Selepas itu di dalam sukan begitu juga kalau misalan cabaran apabila kita cakap pukul 5 kita buat latihan tapi maksudnya cikgu sampai tu awak sepatutnya dah siap apani *stretching* [regangkan badan] *warm up* [panaskan badan] jadi saya nak pergi terus bersukan. Jadi itu masalah kadang-kadang kita datang mereka belum buat apa-apa dengan kasut tak pakai iaitu masalah disiplin .

ML : Selain daripada terlibat dalam aktiviti akademik, adakah cikgu juga terlibat dalam kokurikulum?

WP : Jadi kokurikulum saya terlibat dengan olahraga bola baling.

ML : Adakah sukar menjadi seorang guru yang terlibat dalam akademik dan kokurikulum? (Jelaskan)

WP : Sebenarnya benda ini memang orang panggil ada kaitan antara akademik dan sukan tapi cuma kadang-kadang orang perbezaan dia sukan sekarang boleh ke arah sumber pendapatan jadi kalau kita buat betul-betul , tapi kalau buat biasa-biasa tiada disiplin tidak boleh , Bagi saya tidak jadi masalah, pagi saya mengajar kemudian petang saya melatih pelajar-pelajar dalam bersukan jadi kadang-kadang saya semasa Beris Pancho, saya turun pukul 7 pagi sampai sekolah lebih kurang 7.30 saya akan balik pula pada pukul 7 petang sebab jauh kalau dari sini 25 km jadi kalau habis sesi pembelajaran pukul 2 saya tunggu untuk latihan pada pukul 4 dan sampai di rumah pukul 7, habis latihan lebih kurang 2 jam jadi saya tunggu lebih kurang 3 kali seminggu jadi kadang-kadang atas minat ada yang tak minat dia akan fokus akademik tapi saya dulu minat sukan selepas itu kebetulan kita pergi ke sekolah tak ramai guru-guru yang terlibat dengan sukan jadi ada dalam 5 orang yang terlibat dalam sukan jadi kalau tidak terlibat susah para pelajar kalau tiada sukan walhal sekolah yang berasrama penuh pun menggalak kan sukan.

ML : Bagaimanakah cikgu membahagikan masa antara bidang akademik dan kokurikulum?

WP : Sebenarnya masa ni kalau kita bahagi sangat memang tidak boleh buat [ketawa] kalau kita nak bagi sangat yang ni yang ni kadang-kadang saya ni orang kata tinggal banyak tapi dalam macam tu saya akan buat tambahan ataupun kelas ganti untuk dia jadi diri saya sendiri bukan berbayar bila terlibat dengan sukan saya keluar sekolah jadi, sebenarnya tidak berbaloi lagi kita ganti paling tidak kita boleh ganti apa-apa

yang kita tertinggal tu maksudnya begitu jadi dia tidak boleh maksudnya akademik dengan sukan ni memang ada kontra selalu. Maksud cikgu orang akademik dengan orang kokurikulum dia *kontra* [berlawanan]. Jadi ada yang *syor* [pendapat] satu tahun tu kita tak buat sukan dan nak tengok sejauh mana pencapaian pelajar ok kalau 100 peratus dapat capai bagus kita matikan sukan tidak perlu buat sukan kita belajar sahaja [ketawa] tetapi tidak boleh buat begitu sebab apa sukan adalah pendidikan kalau tiada sukan memang pelajar-pelajar menjadi tidak aktif sekurang-kurangnya ada sukan.

ML : Adakah cikgu pernah dilantik memegang sesuatu jawatan di peringkat sekolah, daerah dan negeri?

WP : Saya menjadi setiausaha teknik dalam sekolah dalam bidang sukan dan di peringkat daerah saya menjadi jurulatih olahraga dan juga pengerusi teknik daerah bola baling sehingga saya dilantik menjadi pengerusi teknik bola baling negeri Kelantan sehingga saya pencen pengerusi Teknik, bermakna orang yang mengurus pemindahan pelajar latihan pelajar makan minum pelajar jadi saya menjadi pengurus besar.

ML : Apa perasaan cikgu apabila dilantik memegang jawatan tersebut?

WP : Perasaan sebenarnya ini tanggungjawab bila kita diberi jawatan jadi maksudnya bagaimana kita nak menjaga organisasi untuk mencapai matlamat misalan kata menjadi pengerusi teknik boal baling jadi adakah saya mampu membawa pelajar kita mewakili Kelantan untuk menang di MSSM, Jadi saya 3 tahun berturut-turut pasukan bola baling Kelantan menjadi naib johan jadi semasa saya tidak mendapat johan bola baling keseluruhan tapi didalam ada 4 kategori iaitu 18L, 18P, 12L, 12P. Walaupun kita ada johan 1 dia kira *point* [mata] jadi gabung kesemuanya kita mendapat naib johan dan kalah pun 1 *point* [mata] sahaja 2 tahun 1 *point* [mata] perbezaan mata

yang menjadikan kita naib johan dengan Pahang dan satu lagi dengan Perak kita kalah.

ML : Sebelum menjadi jurulatih bola baling, adakah cikgu pernah menjadi atlet sukan tersebut?

WP : Asas saya dahulu ialah ragbi tetapi bila balik ke Kelantan ragbi ni tidak *famous* [terkenal] memang tiada ragbi ataupun jarang kalau ada jadi saya pun menceburi bola Baling pergi kursus bola baling jadi pengadil jadi, jurulatih, peringkat sekolah, daerah, jadi saya bermula di SMK Batu Gajah Tanah Merah jadi saya balik tiada ragbi saya kata yang hampir-hampir dengan ragbi ni bola baling guna tangan.

ML : Bagaimanakah cikgu menangani cabaran dihadapi ketika menjadi seorang jurulatih?

WP : Cabaran yang pertama kita nak bagi atlet kita tu cemerlang itu adalah cabaran nak bagi atlet tu berdisiplin dan seterusnya paling tidak kita perlu, cabarannya kalau peringkat sekolah nak latih dia supaya wakil sekolah kemudian kalau pelajar ini cemerlang di peringkat sekolah kita akan bawa ke peringkat daerah dan di situ pula akan dilatih oleh jurulatih-jurulatih tertentu untuk wakil daerah ke peringkat negeri kemudian di peringkat negeri pula kalau pelajar ni cemerlang di peringkat negeri akan terpilih untuk mewakili Kelantan di situ pula kaedah berperingkat-peringkat jadi yang paling penting sekali disiplin dan juga latihan yang lain seperti pemakanan penting juga tapi yang itu lebih penting berbanding yang lain iaitu disiplin dan latihan kalau tak berlatih memang kalah.

ML : Apakah perbezaan tugas guru akademik dengan jurulatih?

WP : Kalau persamaannya, kedua-dua itu memang pendidik cuma dari sesetengah guru ni dia lebih cenderung kepada akademik kerana akademik ni lebih menjamin masa

hadapan , jadi dia kata sukan ni tidak menjamin masa hadapan ni pandangan guru sendiri ni dan juga ibubapa ada dia kata main sukan ni tidak pergi ke mana, kalau tak pandai belajar tidak boleh pergi kemana-mana. Tapi sekarang awak nak masuk universiti pun perlukan sijil misalnya dan masuk Universiti susah nak dapat kerja jika tiada sijil kalau jadi ibubapa sekarang dia fokus dari segi untuk dapat kerja, untuk dapat gaji . Saya pernah, atlet saya Bahasa Malaysia dia *fail* [gagal] tapi dia atlet lompat pagar, askar ambil dia sebagai pelatih memang untuk sukan sahaja sebab itu sekarang kebanyakan yang masuk askar, polis, selain daripada akademik dia ambil pelajar-pelajar yang pandai bersukan untuk mengajar orang lain dan untuk mewakili pasukan anggota itu sendiri jadi cabaran di antara akademi dengan sukan memang banyak yang pertama tadi dari segi masa hadapan ni tiada orang kata dalam bidang sukan. Jadi kita ada sekolah sukan Bukit Jalil jadi pelajar-pelajar yang pergi ke sana untuk mewakili negara. Tapi misalnya di negara-negara maju contohnya *basketball* [bola jaring] dia ada kos memang awak pandai basketball awak masuk universiti atas *basketball* [bola jaring] itu dan dia memang khusus sebab tu kita kata ahli sukan luar negara ada doktor ada engineer, sebabnya kerajaan kita membuat sekolah-sekolah sukan ni untuk ke arah itu sebenarnya cuma masih tidak berjaya seperti sekolah sukan Bukit Jalil Akademik dengan sukan tapi ramailah pelajar-pelajar ni yang masuk ke universiti atas tiket ahli sukan jadi keuntungan dia dari segi sukan utama sekali kalau wakil negara.

ML : Berapa lama cikgu berkhidmat sebagai jurulatih?

WP : Saya mula mengajar tu saya sudah menjadi jurulatih tetapi pada masa itu hanya pada peringkat sekolah jadi bermula tahun 1982 jadi saya pencen 2019 lebih kurang 34 ke 35 tahun jadi maksudnya mana-mana cikgu yang pergi sekolah dia kena sebagai guru penasihat tapi guru penasihat itu sebagai jurulatih juga paling tidak kalau tak pandai pun kena jadi jurulatih juga sebab pelajar yang kita nak latih tak pandai jadi macam mana pun cikgu kebanyakan jadi jurulatih paling tidak peringkat sekolah kemudian saya dalam bidang jurulatih utama sekali dalam olahraga dan bola Baling jadi saya kursus secara berkala, kursus pengadil, kursus jurulatih, jadi kita

kena ikut yang ni untuk menambah kemahiran sebagai jurulatih sampai saya pencen saya jadi jurulatih.

ML : Apakah ciri-ciri menjadi jurulatih yang cemerlang?

WP : Banyak juga tapi tak ingat juga cikgu ni.... ciri-cirinya yang pertama kita kena adil kepada atlet kita jadi ada maksudnya murid-murid kita yang mana yang boleh betul-betul boleh bermain misal kata awak boleh lari 100meter ni, awak ni tak boleh tapi awak boleh lontar peluru jadi jangan kita biarkan pelajar tak mampu *hingga* [berlari] kita suruh dia berlari maksudnya kita kena adil. Kedua kita kena ada toleransi. Kemudian disiplin-disiplin jurulatih perlu ada kalau kita janji dengan pelajar pukul 4 latihan sebelum pukul 4 itu kita kena ada jangan pergi pukul 4.30 jadi pelajar akan cakap cikgu lewat kita pun lewat juga dan sepatutnya kita tidak boleh mencari alasan kecuali kita tak dapat hadir tu lain, jadi di antara pelajar kita perlu ada ketua seorang sebagai pengurus pelajar ini biasa untuk memudahkan kerja cikgu jadi ada ketua yang boleh dihormati oleh atlet-atlet lain supaya berlatih misalnya.

ML : Bagaimana cikgu mengawal tekanan semasa menjadi jurulatih?

WP : Dia sebenarnya kalau kita biasa dengan pelajar ini peringkat muda ni lainlah sikit ada tekanan tapi bila melalui bertahun-tahun dengan itu kita ambil sebagai tugas tanggungjawab kita jadi kalau kita. Saya rasa, saya jarang marah kepada pelajar dalam jangka masa yang lama biasanya kalau hari ini marah esok *dah* [sudah] jadi macam biasa. Jadi maksudnya kita kena berlapang dada dengan karenah pelajar-pelajar kalau kita nak ambil sebagai satu masalah maka kita tidak boleh buat kerja kerana tidak boleh mengawal macam *relax* [tenang] barulah kita tidak timbul tekanan.

ML : Apakah tanggungjawab yang paling penting dalam menjadi seorang jurulatih?

WP : Seperti saya kata tadi *nak* [hendak] jadikan pelajar kita cemerlang berjaya seperti tadi kalau dia berjaya di peringkat sekolah *nak* [hendak] dia berjaya di peringkat daerah dan seterusnya ke peringkat negeri yang paling penting sebab biasanya orang akan lihat *medal* [pingat] atau kejayaan barulah orang cakap baguslah awak berlatih tiap-tiap hari boleh paling tidak pun pingat gangsa paling tidak awak ada nombor.

ML : Apakah pengalaman manis yang diperoleh semasa menjadi guru dan jurulatih?

WP : Manis...manis serupo gulo la dih [manis seperti gula la kan] [bergurau] [ketawa]. Saya cerita di Sabah dahulu, saya masih teringat kepada seorang pelajar iaitu Hong Yiu Loi, pelajar ini ayah dia Cina, ibu dia Melayu, pelajar ini tidak boleh cakap cina tetapi boleh cakap Melayu sahaja. Cuma saya teringat, saya pun tanya pelajar-pelajar lain *pastu* [lepastu] agama macam mana, dia kata agama ni sekejap cina sekejap Melayu cikgu [ketawa]. Saya pun ingat sampai sekarang, jadi pelajar ini tidak rasa apa-apa, kalau di semenanjung, soal agama sensitif, dia tidak sensitif. Saya rasa manis bagi saya kerana berbeza dengan cara kita, jadi pengalaman pahitnya adalah saya masa itu Cikgu disiplin, berlaku seorang pelajar memukul cikgu disiplin jadi saya sebagai cikgu disiplin di sekolah cina waktu itu lebih kurang perkauman, tapi saya ambil dari segi disiplin pelajar, walaupun pelajar cina pukul cikgu Melayu tapi kebetulan saya jawatankuasa disiplin juga semasa itu, jadi saya jumpa pengetua untuk mengambil tindakan kepada pelajar ini, ibubapa dia datang, jadi saya rasa pengetua tak mampu nak ambil tindakan kepada pelajar yang pukul cikgu. Sepatutnya masa itu kita boleh lagi *public canning* [rotan tempat umum] tahun 1982 tu masih boleh lagi, jadi pengetua ni mungkin dia rasa macam perkauman tapi sebenarnya kita nampak dari segi disiplin pelajar, jadi sampai ke tahun itu memang tahun *last* [akhir] saya mengajar di situ tahun 1986 sampai habis sekolah, pelajar itu tidak diambil tindakan, tak digantung, tak didenda jadi saya kesal masa itu. Jadi

sepatutnya pelajar ini macam mana pun perlu dikenakan tindakan keras samaada gantung sekolah, pecat sekolah ataupun *public canning* [rotan tempat umum]. Saya sedih dengan keputusan pengetua kerana tidak mengambil tindakan apa-apa kerana dia takut kawasan itu ada ramai *gangster* [samseng]. Saya kata tak perlu takut, kita ada polis dan askar. Kita ikut aturan itu yang membuat saya merasa terkilan sampai harini kalau soal disiplin ni memang ambil berat hal disiplin.

ML : Bagaimanakah cikgu memberi fokus terhadap unit kokurikulum dan sukan sebaris dengan pembelajaran di sekolah?

WP : Biasa di sekolah ni... [berfikir] cikgu sukan memang di jadualkan biasanya awal tahun bulan 1 sampai bulan 3 kita fokus dengan sukan jadi tidak ada halangan untuk akademik. Jadi biasanya saya sebagai jurulatih atau pengurus sukan dia akan bagi kelonggaran kelas saya akan diganti oleh guru-guru lain.

ML : Bagaimana cara cikgu mencari bakat-bakat pelajar di di dalam bidang bola baling?

WP : Jadi kemahiran yang paling penting sekali bola baling ialah tangan, fokus dan segi saiz fizikal, kemudian kesihatan dan kemahiran asas dia. Jadi daripada situ la kita kumpul pelajar pelajar ini dalam proses latihan ataupun kepantasan. Jadi kita kalau dalam satu kumpulan ada 12 orang, tapi biasanya saya akan ambil 14 orang macam 2 *team* [kumpulan] untuk latihan.

ML : Adakah latihan bersama para atlet dilakukan secara kerap?

WP : Jadi biasanya kita memanglah, kita paling tidak 3 kali 1 minggu latihan, kemudian kalau di peringkat sekolah kita terhad sedikit tapi kalau peringkat negeri kita sudah ada masa dari pihak jabatan. Sebagai contoh, *dia* [pihak berwajib] kata ada latihan pusat, misalnya ada pertandingan peringkat negeri, jadi kalau daerah kita ada 11

daerah di Kelantan, jadi buat pertandingan untuk selain daripada mencari johan, pasukan kita juga memilih atlet bola Baling, kemudian kita selepas pemilihan ada sesi yang dipanggil latihan pusat. Biasanya 2 minggu, jadi latihan pusat ini lah tempat untuk mengasah kemahiran pelajar-pelajar untuk mewakili pelajar ke peringkat *MSSM* [Majlis Sukan Sekolah Malaysia]. Jadi latihan perlu kerap apabila hampir dengan kejohanan, kita perlu ada latihan yang lebih kerap.

ML : Semasa cikgu menjadi jurulatih, adakah terdapat guru praktikal yang ingin menimba ilmu kejurulatihan daripada cikgu?

WP : Memang ramai mungkin dalam sesetengah tu, adalah bekas pelajar kita yang belajar di IPG, belajar di UiTM, dan apa-apa jadi mengambil bidang sukan mereka akan datang ke sekolah untuk mengikuti latihan mengajar. Kebanyakan cikgu terutama sekali dari IPG, mereka datang sama seperti tadi kaedah nya, iaitu kita bawa pelajar ini ke lapangan. Jadi dia boleh merasai terus sebagai jurulatih. Jadi di sinilah kita buat teguran ataupun secara tidak langsung mereka boleh melihat terus kita melatih dan cara-cara pelajar berlatih. Jadi kita masuk terus ke lapangan.

ML : Sewaktu cuti sekolah bermula, adakah latihan kepada para atlet juga dilakukan?

WP : Cuti sekolah panjang biasanya kalau peringkat sekolah jarang tapi kalau peringkat negeri memang ada peringkat negeri biasanya dia ada kem latihan , kem bakat tapi kalau peringkat sekolah kalau habis dan cuti sekolah memang tiada latihan dilakukan tapi kalau peringkat negeri jadi untuk menghadapi tahun hadapan kena ada kem bakat ataupun ada kejohanan yang dipanggil kejohanan luar musim untuk mencadang atlet untuk tahun hadapan misalnya peringkat bawah umur tahun depan kita ada kejohanan bawah 18 jadi tahun ini pelajar akan naik tingkatan 4 umurnya 16 tahun, jadi tahun hadapan akan mewakili sekolah atau daerah pada peringkat umur 18 jadi sesetengah daerah memang dia buat dan ada sesetengah daerah tak buat tapi

kalau negeri ini adalah satu cara untuk mencari bakat baru *pasal* [sebab] umur yang melebihi 18 tidak boleh peringkat sekolah ini bawah 18 tahun. Biasanya, bila bermula cuti panjang ataupun selepas tapi dia tidak mengambil masa yang panjang kemudian selepas kejohanan kita ada pula kem bakat.

ML : Macam mana cikgu mengagihkan masa dengan keluarga dan kerjaya?

WP : Tidak boleh bahagi masa kadang-kadang sebab, dengan pelajar ni kita ok misalan kita ada latihan pusat bermula dari pagi sampai petang dan ada sesetengah tempat tu sampai ke malam. Bola Baling kita main di dalam dewan, kalau main di padang kita main sampai petang sahaja kalau dalam dewan, kadang-kadang sampai pukul 10 malam baru siap. Kemudian, tempat kita ini dewan tak banyak, jadi bergilir untuk giliran latihan sebab saya sebagai pengerusi teknik peringkat negeri boleh kata kena ada *sokmo* [selalu] makan minum atlet walaupun kita ada serah kepada jurulatih tertentu ini, awak mengurus pelajar ini seperti pengangkutan pelajar makan pelajar, tapi kita kena ada juga, nak bagi masa ni kadang-kadang susah nak bahagikan masa disebabkan banyak dengan pelajar berbanding di rumah kecuali hari minggu adalah juga ruang untuk keluarga kita. Kadang-kadang, kita ada keperluan tertentu, adalah masa tertentu tapi kita tak boleh nak buat jadual ni, masa keluarga dan ini masa kerjaya tak boleh buat jadual ,kadang-kadang latihan jumaat sabtu pun berterusan. Latihan pusat ni, kalau peringkat negeri ni dalam seminggu jumaat sabtu pun ada.

ML : Apakah terdapat peraturan yang dibuat semasa cikgu menjadi seorang jurulatih bola baling?

WP : Peraturan ini seperti tadi, disiplin tu penting, yang ilmu itu wajib sebab kalau tiada ilmu tidak boleh mengajar pelajar-pelajar ni.

TAMAT BAHAGIAN 4

BAHAGIAN 5 : PENCAPAIAN

ML : Apakah antara pengiktirafan yang telah cikgu terima dalam bidang kejurulatihan bola baling?

WP : Sebagai jurulatih di peringkat sekolah biasa, jarang sekali menerima anugerah jurulatih. Biasanya peringkat negeri ni saya lebih kepada pengerusi teknik dan juga jurulatih, saya mendapat anugerah daripada Majlis Sukan Sekolah Sekolah Kelantan (MSSM) sebagai pengerusi teknik atau jurulatih kerana membawa pasukan Kelantan mencapai kedudukan terbaik peringkat MSSN. Saya rasa itu sahaja, kalau peringkat sekolah memang johan peringkat daerah, tapi tidak mendapat sijil. Yang ada sijil ni di peringkat negeri.

ML : Apakah pencapaian tertinggi atlet dibawah bimbingan cikgu?

WP : Pencapaian atlet paling tinggi ialah mewakili Kelantan, Sukma dan juga mewakili sukan Asia di Indonesia tetapi tidak secara langsung dengan saya, tetapi dia berada di bawah saya dan jurulatih jurulatih lain di bawah naungan Jabatan Pendidikan Kelantan, tetapi mewakili negara dalam sukan Asia iaitu perempuan.

ML : Apakah antara pencapaian yang diperolehi bagi pasukan bola baling di bawah kendalian cikgu?

WP : Pencapaian tertinggi bawah 16 tahun lelaki, johan kejohanan bola Baling di Jerantut, Pahang. Di peringkat kebangsaan, kemudian johan terbuka bawah 16 tahun perempuan di Pasir Gudang Johor peringkat Kebangsaan.

ML : Apakah pertandingan peringkat tertinggi yang pernah dikendalikan oleh cikgu?

WP : Semasa Kelantan [batuk] menjadi tuan rumah pertandingan bola baling *MSSM* [Majlis Sukan Sekolah Malaysia] pada tahun 2012 di Kota Bharu sebagai Pengurus Teknik ketika itu.

ML : Adakah cikgu pernah menganjur sebarang pertandingan bola baling di peringkat sekolah?

WP : Itu sudah menjadi kebiasaan, iaitu pertandingan antara rumah di peringkat Sekolah.

ML : Berapa ramaikah atlet yang telah berjaya di peringkat yang lebih tinggi-dibawah bimbingan cikgu?

WP : Jadi dalam olahraga tidak ramai sangat, di sekolah saya sendiri, yang bola Baling cikgu ada 2 orang yang mewakili Kelantan. Kemudian, olahraga [berfikir] lebih daripada 10 orang yang mewakili Kelantan kerana saya pun tidak ada rekod tersebut [ketawa]. Ada seorang itu bila dia mewakili sekolah sekolah Malaysia, dia panggil sukan ASEAN school sebagai wakil Malaysia.

ML : Apakah antara pencapaian cikgu semasa menjadi seorang guru?

WP : Yang pertama, dari segi anugerah APC iaitu Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ... [berfikir] dan mendapat sebanyak 2 kali semasa saya berada di sekolah SMK Seri Gunung dan dapat RM 1000 beserta sijil. Kemudian, saya juga dapat anugerah daripada masa itu dia panggil pencapaian menegak dan melintang kenaikan gaji lebih daripada orang biasa dia panggil kalau melintang ni 2 tangga ke depan dan mendapat RM1000.

ML : Apakah jawatan tertinggi yang pernah cikgu sandang sepanjang karier cikgu?

WP : Saya dalam pentadbiran *ICT* [Information and Communication Technology] dan saya sebagai penyelaras Bestari yang berkaitan komputer dan saya juga dilantik sebagai pengerusi teknik bola Baling negeri Kelantan.

ML : Apakah perasaan yang dapat cikgu kongsi setelah memberikan khidmat dan mendapat pelbagai pencapaian yang baik?

WP : Perasaan saya, saya rasa bersyukur kepada Allah S.W.T walaupun sifat saya tidak cemerlang sangat tapi Alhamdulillah saya bersyukur kerana saya dapat memberi khidmat sebaik mungkin dalam pendidikan samada sukan pun akademik tanpa meminta balasan daripada sesiapa. Kerana saya dapat mengakhiri khidmat saya sampai pencen walaupun kejayaan yang tidak banyak sangat tapi Alhamdulillah saya dapat menamatkan karier saya sebagai guru dalam keadaan sihat sejahtera [ketawa].

TAMAT BAHAGIAN 5

BAHAGIAN 6: SUMBANGAN

ML : Apakah sumbangan cikgu dalam bidang pentadbiran di sekolah?

WP : Dalam pentadbiran, saya yang pertama [berfikir] saya fokus kepada menyiapkan buku pengurusan sekolah kerana saya sebagai penyelaras komputer dan penyelaras Bestari, boleh saya menggunakan kepakaran saya untuk menghasilkan buku pentadbiran sekolah.

ML : Apakah sumbangan cikgu dalam bidang akademik di sekolah?

WP : Jadi saya pernah mengajar pelajar tingkatan 1,2,3 jadi [berfikir]... cuma saya tak ingat tahun berapa pelajar terbaik SMK Seri Gunung dalam *PMR* [Penilaian Menengah Rendah].

ML : Apakah sumbangan cikgu dalam bidang kokurikulum di sekolah?

WP : Saya sebagai jurulatih, sebagai pembimbing, sebagai kawan, kepada pelajar-pelajar dan atlet.

TAMAT BAHAGIAN 6

BAHAGIAN 7: HARAPAN

ML : Apakah harapan cikgu kepada sekolah?

WP : Harapan saya supaya sekolah ni kekal sebagai institusi Pendidikan, tidak kira pelajar itu cerdik atau kurang cerdik. Kita perlu didik dan tugas kita sebagai guru adalah pendidik. Jadi maksudnya, walau macam mana cabaran pun pelajar-pelajar yang datang dari pelbagai peringkat, kita perlu didik. Masalah disiplin adalah biasa, jadi itu adalah cabaran [ketawa]. Jadi sebagai cikgu yang sudah pencen, harapan supaya sekolah ini kekal sebagai institusi pendidikan dan guru sebagai pendidik.

ML : Apakah harapan cikgu terhadap bidang sukan di sekolah?

WP : Harapan saya agar bidang sukan perlu di [berfikir] naik taraf, supaya sukan ini boleh menjamin masa hadapan pelajar-pelajar selain daripada akademik, jadi kita tak mahu ibubapa memandang remeh kepada sukan kerana dianggap tidak menjamin masa hadapan selain daripada peperiksaan.

ML : Adakah cikgu menyimpan harapan terhadap sekolah-sekolah di Kelantan sebaris dengan sekolah berkaliber di negeri lain? Jelaskan.

WP : Sudah tentu sebagai bekas guru dan sebelum ini pun kita memang berusaha untuk membawa [berfikir] negeri Kelantan ataupun sekolah-sekolah Kelantan ke peringkat yang lebih tinggi setanding dengan negeri-negeri lain. Memang kita dah ada, tapi dalam bidang-bidang tertentu bukan sahaja dalam bidang sukan tetapi kita dah ada dalam bidang sukan yang lain, bukan dalam bola Baling sahaja, maksudnya olahraga dalam sukan memanah kita sudah ada pencapaian yang lebih tinggi dalam peringkat kebangsaan.

ML : Apakah harapan cikgu terhadap guru lain di sekolah?

WP : Harapan saya kepada guru-guru yang masih lagi mengajar teruskan mengajar, teruskan menjadi pendidik [ketawa].

ML : Apakah harapan cikgu terhadap pelajar-pelajar di sekolah?

WP : Nasihat saya kepada pelajar-pelajar jadi teruskan fokus kepada pelajaran dan juga sukan dan selain daripada menjaga disiplin kita juga perlu tabah dalam keadaan sekarang yang belajar secara atas talian, oleh kerana kita mengalami masalah covid-19 ini, jadi perlu tabah belajar secara online walaupun kita cuti lama [ketawa].

ML : Apakah harapan cikgu kepada bakal-bakal guru?

WP : Saya memohon kepada anak anak yang menceburi bidang perguruan, tanamkan minat yang tinggi, rasa kasih sayang kepada pelajar barulah kita rasa di dunia pendidikan ini lebih berkesan. Jadi jangan anggap bidang perguruan ini hanya untuk mencari sumber pendapatan . Anggap ini sebagai suatu ibadah, maka inshaAllah kerja kita menjadi berkat dan menjadi pahala sepanjang zaman.

ML : Apakah harapan cikgu terhadap sukan bola baling di sekolah?

WP : Saya memohon kepada anak anak yang menceburi bidang perguruan, selepas saya meniggalkan bidang perguruan dan jurulatih, sebenarnya saya masih lagi berada dalam persatuan bola Baling Kelantan sebagai EXCO dan saya masih lagi berhubung dengan bekas pelajar saya. Saya masih lagi pergi melatih. Walau bagaimanapun, sebelum covid-19 ini pun saya masih pergi melatih pelajar saya sampai pencen, masih terlibat lagi. Tapi maksudnya, oleh kerana covid, selepas bulan 3, saya tidak terlibat dan selepas saya pencen saya masih lagi berada di sekolah. Saya masih lagi aktif dan saya harap sekolah saya, SMK Seri Gunung akan terus cemerlang dalam

bola Baling sebab sebelum ini bila sebut di Bachok ni, bola Baling ni bila sebut sekolah SMK Seri Gunung nama saya yang orang sebut, bukan *sohor* [terkenal] maksudnya orang kenal, kalau bola Baling sebut nama saya, bukan no 1 tapi maksudnya saya memang terlibat dengan bola Baling. Di Bachok ni, sayalah yang menggerakkan bola Baling di Bachok.

TAMAT BAHAGIAN 7

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Tuan Haji Wan Pa Bin Wan Hussin di sepanjang berkhidmat sebagai Guru Akademik di SMK Sri Gunung dan Jurulatih serta Setiausaha Olahraga peringkat sekolah, daerah dan negeri Kelantan dari tahun 1982 hingga tahun 2019. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang Pendidikan dan Kejurulatihan para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

RUJUKAN

Rujukan

(Tuan Haji Wan Pa Bin Wan Hussin, komunikasi peribadi, January 12,2021)



LAMPIRAN

LAMPIRAN 1



Gambar 1: Sijil Perkhidmatan Cemerlang

LAMPIRAN 2

	<p>جابتن مُنديديقن نكري كلنتن JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KELANTAN BANDAR BARU TUNJONG, 10010 KOTA BHARU, KELANTAN DARUL NAHA</p>	<p>TELEFON Pejabat Air 09-741 8000 Pengarah 09-741 8001 Teras Pengarah 09-741 8002 Fax 09-748 2554 Unit Sukat 09-747 8922 Fax 09-743 5873 09-744 1299 Email : unshukamishah@gmail.com</p>	
---	--	---	---

Rujukan: JPKn/SPPK/1603/107/Jld 4 (25)
Tarikh: 22 Februari 2016

TN. HJ. WAN PA BIN WAN HUSSIN
SMK SRI GUNUNG,
16390 BACHOK
KELANTAN

Melalui dan Salinan;

PENGETUA,
SMK SRI GUNUNG,
16390 BACHOK,
KELANTAN

Tuan,

Pelantikan Sebagai Pengerusi Teknik Majlis Sukan Sekolah Kelantan Tahun 2016

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas


2. Sukacita dimaklumkan bahawa tuan telah diantik sebagai **PENGERUSI TEKNIK** bagi permainan **BOLA BALING** Majlis Sukan Sekolah Kelantan bagi tahun 2016. Pelantikan ini adalah berdasarkan kepada kebolehan dan kewibawaan tuan dalam sukan ini di peringkat sekolah negeri Kelantan.

3. Sehubungan dengan itu, pihak kami mengharapkan tuan dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab ini dengan berkesan melalui perancangan yang teliti untuk sukan berkenaan bagi memastikan kesinambungan kecemerlangan sukan Majlis Sukan Sekolah Kelantan.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,



(DATO' HAJI AB. AZIZ BIN ABDULLAH, D.P.S.K. (Kelantan))
Pengerah Pendidikan,
Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan.

Timbalan Pengerah Pendidikan Kelantan
Kawasan Sektor Pengurusan Pembangunan Kemasyarakatan
Jabatan Pendidikan Daerah Berkenaan

CS Scanned with CamScanner

Gambar 2: Surat Pelantikan Sebagai Pengerusi Teknik Majlis Sukan Sekolah Kelantan Tahun 2016

LAMPIRAN 3



Gambar 3: Bersama tokoh

LOG WAWANCARA

LOG WAWANCARA

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH		
2:35	Menerangkan asal-usul	Kampung Ketil Pengkalan Kubur, Tumpat Kelantan
3:15	Menerangkan mengenai tempat tinggal	Lot 3216 Kampung Keting Gunung
BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN TOKOH		
10:30	Menerangkan tentang institusi yang dimasuki selepas tamat sekolah menengah	Maktab Perguruan pada sesi 81/82 di Maktab Perguruan Pulau Pinang.
11:35	Menerangkan kursus professional yang diikuti selain bidang perguruan	Mengikuti kursus kejurulatihan, kursus asas komputer
12:55	Menceritakan pencapaian yang tidak boleh dilupakan semasa belajar	Mewakili sekolah dalam acara bola sepak
BAHAGIAN 3: SEJARAH/PENGALAMAN DI UNIVERSITI		
14:45	Faktor untuk menjadi seorang guru.	Jiwa tertarik dengan bidang perguruan ketika di sekolah menengah
16:27	Menjelaskan lokasi pembelajaran	Bangunan sementara di Tanjung Chat Kolej Tun Abdul Razak
18:40	Menjelaskan tentang kemudahan yang disediakan ketika pembelajaran di universiti	Menggunakan Slide projector
19:52	Menerangkan subjek kegemaran ketika di universiti	Kos ekonomi, statistik dan pengiraan seperti matematik
22:10	Menjelaskan tentang anugerah atau kejayaan yang diterima semasa di universiti	Johan bola sepak, ragbi dan catur peringkat kelas
BAHAGIAN 4: PENGALAMAN KERJAYA		

35:15	Menjelaskan tentang pekerjaan awal sebelum menjadi guru	Pernah menjadi nelayan dan buruh binaan (Kontrak)
38:30	Menerangkan tentang tahun mula menjadi seorang pendidik	Mei 1982.
38:45	Menjelaskan tentang sekolah yang pernah diajar	Smk Tiong Hwa, Smk Batu Gajah Tanah Merah, Smk Badak Bachok, Smk Batu Mengkebang, Smk Beris Panchor, Smk Seri Gunung
39:36	Menerangkan tentang subjek yang diajar	Pendidikan Sains dan ICT
43:12	Menerangkan tentang kaedah yang digunakan semasa pengajaran dan pembelajaran	Komputer dan makmal eksperimen
55:29	Menghuraikan cabaran yang dihadapi ketiga mengajar	Pelajar tidak mengikuti arahan guru
55:50	Menjelaskan tentang bidang kokurikulum yang diceburi	Bola baling
58:50	Menjelaskan tentang cara membahagikan masa antara akademik dan kokurikulum	Membuat kelas tambahan dan ganti
1:00:49	Menerangkan tentang jawatan yang dipegang di peringkat sekolah, daerah dan negeri	Setiausaha Teknik, Jurulatih Olahraga, Pengerusi Teknik
1:09:38	Menjelaskan tempoh perkhidmatan sebagai jurulatih	Lebih kurang 34-35 tahun
1:18:02	Menerangkan pengalaman pahit yang diperoleh semasa menjadi guru dan jurulatih	Menguruskan pelajar yang mempunyai masalah disiplin iaitu memukul guru
BAHAGIAN 5: PENCAPAIAN		
1:31:49	Menerangkan tentang pengiktirafan yang diterima dalam bidang kejurulatihan bola baling	Anugerah daripada Majlis Sukan Sekolah Kelantan (MSSM) sebagai pengurus teknik

1:33:14	Menerangkan tentang pencapaian tertinggi atlet	Mewakili Kelantan, Sukma dan mewakili Sukan Asia di Indonesia
1:35:00	Menerangkan pencapaian yang diperoleh bagi pasukan bola baling	Johan kejohanan bola Baling di Jerantut, Pahang bawah 16 tahun lelaki Johan terbuka bawah 16 tahun perempuan di Pasir Gudang Johor peringkat Kebangsaan.
1:36:07	Menjelaskan tentang pertandingan peringkat tertinggi	Tuan rumah pertandingan bola baling MSSM [Majlis Sukan Sekolah Malaysia] tahun 2012
1:38:18	Menerangkan tentang anugerah yang diterima semasa menjadi guru	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang(APC) sebanyak dua kali
1:40:13	Menjelaskan tentang jawatan tertinggi yang disandang sepanjang karier	Penyelaras Bestari dan Pengurus Teknik Bola Baling Negeri Kelantan
BAHAGIAN 6: SUMBANGAN		
1:43:07	Menerangkan tentang sumbangan dalam bidang pentadbiran sekolah	Menyiapkan buku pentadbiran sekolah
1:43:48	Menerangkan tentang sumbangan dalam bidang akademik	Menghasilkan beberapa orang pelajar terbaik Penilaian Menengah Rendah(PMR)
BAHAGIAN 7: HARAPAN		
1:45:13	Menjelaskan tentang harapan kepada sekolah	Terus mendidik pelajar walaupun banyak cabaran dan rintangan yang akan dihadapi
1:46:10	Menerangkan tentang harapan terhadap bidang sukan di sekolah	Bidang sukan dapat dinaik taraf dan boleh menjamin masa hadapan para pelajar

DIARI KAJIAN

DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
2:01ptg	20 Okt 2020	<p>Kami diberikan penerangan oleh Puan Nurulannisa mengenai Oral History dan Puan Nurulannisa memberi tahu tajuk kajian lisan pada tahun ini ialah Tokoh yang berada di Pantai Timur.</p> <p>Puan Nurulannisa mengarahkan pelajar untuk membentuk kumpulan senarai dua orang satu kumpulan dan Puan Nurulannisa menyuruh setiap kumpulan memikirkan Tokoh untuk ditemubual.</p>	<p>Membuat catatan tentang kajian lisan dan tajuk tugas yang perlu dilakukan.</p> <p>Menentukan siapa ahli kumpulan.</p>
3:00 ptg	30 Okt 2020	<p>Mencari maklumat mengenai tokoh yang berada di kawasan Pantai Timur..</p>	<p>Mencari Tokoh di Google.</p>
12:00 tengahari	5 Nov 2020	<p>Kami mengusulkan tajuk yang telah kami kenal pasti kepada Puan Nurulannisa iaitu Cikgu Wan Pa Bin Wan Husin sebagai tokoh.</p>	<p>Mendapat persetujuan dari pensyarah.</p>
2:17 ptg	30 Nov 2020		

		Menghubungi Cikgu Wan Pa Bin Wan Husin untuk bertanyakan kesudian beliau di temubual.	Mendapat persetujuan untuk di temubual.
2:00 ptg	5 Dis 2020	Berbincang dengan pensyarah mengenai soalan yang akan ditanya kepada Cikgu Wan Pa Bin Wan Husin.	Berbincang dan memperbetulkan soalan.
2:00 ptg	6 Dis 2020	Menunjukkan semula soalan yang ingin di ditujukan kepada Cikgu Wan Pa Bin Wan Husin	Soalan diluluskan oleh pensyarah
12:50 ptg	3 Jan 2021	Menghubungi Cikgu Wan Pa Bin Wan Husin untuk mendapatkan tarikh ditemubual.	Mendapat tawaran untuk ditemubual
4:00 ptg	6 Jan 2021	Menghangtar senarai soalan kepada Cikgu Wan Pa Bin Wan Husin	Mengingatkan Cikgu Wan Pa Bin Wan Husin dan bertanyakan mengenai masa
8:30 pg	7 Jan 2021	Kami menghubungi Cikgu Wan Pa Bin Wan Husin untuk mengubah Tarikh untuk temubual	Mendapatkan Tarikh baru untuk menemubual
12:00 tengahari	12 Jan 2021	Perjumpaan Bersama Cikgu Wan	Temubual bermula

- 2:00ptg		Pa Bin Wan Husin di rumah beliau	
2:00 ptg – 2:30 ptg	12 Jan 2021	Memberikan ucapan terima kasih kepada Cikgu Wan Pa Bin Wan Husin setelah sesi temubual.	Ucapan diberikan kepada Cikgu Wan Pa Bin Wan Husin

SENARAI SOALAN

GURU DAN JURULATIH – TUAN HAJI WAN PA BIN WAN HUSSIN

INTERVIEW QUESTIONS

Group members

1. Muhammad Fuad Bin Othman (2018238508)
2. Muhamad Lokman Bin Zakaria (2018401502)

Interviewee Selection

- Tuan Haji Wan Pa Bin Wan Hussin

I SESI

Pengenalan: [rakam sebelum temubual]

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam pendidikan dan kejurulatihan. Bersama- sama kami ialah Tuan Haji Wan Pa Bin Wan Hussin yang merupakan seorang Guru Akademik di SMK Sri Gunung dan Jurulatih serta Setiausaha Olahraga peringkat sekolah, daerah dan negeri Kelantan . Rakaman ini dijalankan pada tarikh 12 Januari 2021 bersamaan dengan hari Selasa pada pukul 12 Tengahari yang diadakan secara temubual bersemuka. Temubual ini dikendalikan oleh Muhammad Fuad dan Muhamad Lokman. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

BAHAGIAN A: PENGENALAN AWAL LATAR BELAKANG

Assalamualaikum cikgu,

1. Boleh cikgu bercerita serba sedikit tentang diri cikgu seperti nama penuh dan nama panggilan cikgu ?
2. Berapakah umur cikgu sekarang dan dimanakah tempat kelahiran cikgu?
3. Bilakah Tarikh Lahir Cikgu?
4. Di manakah tempat tinggal cikgu sekarang ?
5. Berapakah bilangan adik beradik cikgu, boleh cikgu ceritakan ?
6. Cikgu merupakan anak yang keberapa dalam kalangan adik beradik cikgu ?
7. Apakah nama isteri cikgu?
8. Berapakah bilangan anak cikgu ?
9. Adakah anak cikgu masih lagi belajar atau sudah berkerjaya ?
10. Apakah jantina anak-anak cikgu ?
11. Bagaimanakah dengan keadaan kesihatan cikgu?
12. Apakah antara pekerjaan anak-anak cikgu?
13. Adakah semua anak cikgu sudah berkahwin?

BAHAGIAN B: SEJARAH PENDIDIKAN

Mengenai sejarah pendidikan cikgu pula, Boleh cikgu ceritakan:

14. Dimanakah cikgu menerima pendidikan sekolah rendah ?
15. Dimanakah cikgu menerima pendidikan sekolah menengah ?
16. Apakah cita-cita cikgu semasa di sekolah?
17. Apakah subjek kegemaran cikgu semasa di sekolah?
18. Apakah pengalaman manis cikgu di sekolah rendah?
19. Di Universiti manakah cikgu melanjutkan pelajaran selepas tamat sekolah menengah ?
20. Adakah cikgu pernah mengikuti kursus-kursus profesional yang lain selain daripada bidang yang cikgu ambil semasa di universiti ?
21. Semasa bersekolah, apakah pencapaian yang tidak boleh dilupakan semasa belajar?

22. Adakah cikgu suka bersukan semasa di sekolah?
23. Sukan jenis apakah yang cikgu terlibat semasa di sekolah?

BAHAGIAN C : SEJARAH/PENGALAMAN DI UNIVERSITI

Baiklah, mengenai pengalaman cikgu di universiti,

24. Apakah yang menyebabkan cikgu ingin menjadi seorang guru ?
25. Boleh cikgu ceritakan tentang pengalaman pembelajaran di universiti ?
26. Di manakah lokasi belajar cikgu ketika itu ?
27. Bagaimanakah suasana pembelajaran ketika itu ? (Bangunan dan kemudahan ketika itu)
28. Apakah jenis kemudahan yang ada zaman cikgu belajar di Universiti ? (Kantin, gerai, kafe, makmal, perpustakaan, rekreasi dsb)
29. Adakah cikgu masih ingat siapakah ketua fakulti ketika itu ?
30. Apakah subjek kegemaran cikgu ketika belajar di Universiti ?
31. Apakah keunikan yang terdapat di fakulti cikgu ?
32. Boleh cikgu terangkan serba sedikit tentang pengetahuan mengenai prospek kerjaya ?
33. Adakah cikgu pernah terlibat dalam sebarang aktiviti persatuan pelajar ketika di universiti ? (Sekiranya ada apakah persatuan tersebut)
34. Adakah cikgu pernah mewakili fakulti dalam kategori sukan dan kokurikulum ? (Sekiranya ada apakah sukan yang disertai tersebut?)
35. Adakah cikgu pernah memasuki mana-mana pertandingan anjuran fakulti/universiti ? (Sekiranya ada apakah pertandingan yang disertai tersebut?)
36. Adakah cikgu pernah menjuarai apa-apa hadiah atau pingat sepanjang berada di universiti ? (Sekiranya ada, pingat apakah yang diperolehi tersebut?)
37. Adakah cikgu pernah menerima apa-apa anugerah atau penghargaan sepanjang berada di universiti ? (Sekiranya ada, apakah penghargaan yang diterima tersebut ?)
38. Bagaimanakah cara cikgu menguruskan kewangan sepanjang berada di universiti ?
39. Pada zaman sekarang, pelajar menerima bantuan kewangan dari institusi kerajaan mahupun swasta. Bagaimanakah dengan bantuan zaman cikgu dahulu ?

40. Adakah cikgu pernah mengikuti lawatan sambil belajar sepanjang berada di universiti ?
(Sekiranya ada, ke manakah lawatan yang disertai tersebut)
41. Bagaimana dengan kawasan tempat tinggal atau penginapan pelajar sepanjang berada di universiti ?
42. Bagaimana dengan kemudahan kenderaan sepanjang berada di universiti ?
43. Bagaimanakah cara pelajar zaman dahulu berkomunikasi ketika membuat kerja berkumpulan, perbincangan atau ulangkaji ?
44. Berapakah anggaran kos perbelanjaan cikgu ketika belajar di Universiti (buku-buku rujukan, yuran dan sebagainya.)
45. Bagaimanakah kaedah pembelajaran ketika belajar di Universiti ?
46. Bagaimana cara cikgu mengurus masa ketika belajar di Universiti?
47. Berapa subjek yang diambil setiap semester ketika cikgu belajar di Universiti ?
48. Pandangan cikgu pada masa itu tentang pengetahuan mengenai prospek kerjaya seorang guru?

BAHAGIAN D: PENGALAMAN KERJAYA

49. Sebelum cikgu memulakan pekerjaan sebagai seorang guru apakah pekerjaan awal yang pernah cikgu ceburi?
50. Tahun bila cikgu mula mengajar di sekolah?
51. Apakah Sekolah pertama yang cikgu mengajar?
52. Antara sekolah yang pernah cikgu mengajar?
53. Apakah bidang subjek yang cikgu mengajar ?
54. Apakah subjek kegemaran yang cikgu suka mengajar ?
55. Apakah Subjek pertama yang cikgu mengajar?
56. Adakah sekolah cikgu jenis berasrama penuh atau biasa ?
57. Adakah sekolah cikgu dibahagi kepada dua sesi iaitu sesi pagi dan petang?
58. Berapa anggaran pelajar pada masa itu?
59. Kaedah yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) ?
60. Apa tugas dan tanggungjawab menjadi seorang guru sebenarnya? (Terangkan)

61. Pada pendapat cikgu, apakah perbezaan antara murid pada zaman dahulu dengan murid sekarang?
62. Bagaimana cara cikgu mengawal pelajar di dalam kelas dengan baik?
63. Adakah cikgu pernah merasa tertekan semasa menjadi seorang guru?
62. Apakah cabaran yang dihadapi ketika cikgu sedang mengajar di dalam kelas ?
63. Selain daripada terlibat dalam aktiviti akademik, adakah cikgu juga terlibat dalam kokurikulum?
64. Jika ya, bidang kokurikulum apakah yang cikgu terlibat ?
65. Adakah sukar menjadi seorang guru yang terlibat dalam akademik dan kokurikulum? (Jelaskan)
66. Bagaimanakah cikgu membahagikan masa antara bidang akademik dan kokurikulum?
67. Adakah cikgu pernah dilantik memegang sesuatu jawatan di peringkat sekolah, daerah dan negeri ?
68. Apakah peranan cikgu dalam memegang jawatan- jawatan tersebut ?
69. Apa perasaan cikgu apabila dilantik memegang jawatan tersebut ?
70. Sebelum menjadi jurulatih bola baling, adakah cikgu pernah menjadi atlet sukan tersebut ?
71. Bagaimanakah cikgu menangani cabaran dihadapi ketika menjadi seorang jurulatih?
72. Apakah perbezaan tugas guru akademik dengan jurulatih?
73. Berapa lama cikgu berkhidmat sebagai jurulatih?
74. Apakah ciri-ciri menjadi jurulatih yang cemerlang?
75. Bagaimana cikgu mengawal tekanan semasa menjadi jurulatih?
76. Apakah tanggungjawab yang paling penting dalam menjadi seorang jurulatih?
77. Apakah pengalaman manis yang diperoleh semasa menjadi guru dan jurulatih?
78. Apakah pengalaman pahit yang diperoleh semasa menjadi guru dan jurulatih?
79. Bagaimanakah cikgu memberi fokus terhadap unit kokurikulum dan sukan sebaris dengan pembelajaran di sekolah ?
80. Bagaimana cara cikgu mencari bakat-bakat pelajar di dalam bidang bola baling?
81. Bagaimanakah penilaian cikgu untuk mengambil atlet baru?
82. Adakah latihan bersama para atlet dilakukan secara kerap?

83. Bagaimanakah cikgu mengeratkan hubungan antara atlet bola baling yang berada di sekolah tersebut ?
84. Bagaimanakah cara cikgu berkongsi ilmu kejurulatihan dalam bidang bola baling kepada guru baru ?
85. Semasa cikgu menjadi jurulatih, adakah terdapat guru praktikal yang ingin menimba ilmu kejurulatihan daripada cikgu?
86. Sewaktu cuti sekolah bermula, adakah latihan kepada para atlet juga dilakukan?
87. Macam mana cikgu mengagihkan masa dengan keluarga dan kerjaya ?
88. Apakah terdapat peraturan yang dibuat semasa cikgu menjadi seorang jurulatih bola baling?

BAHAGIAN E: PENCAPAIAN

89. Apakah antara pengiktirafan yang telah cikgu terima dalam bidang kejurulatihan bola baling?
90. Apakah pencapaian tertinggi atlet dibawah bimbingan cikgu?
91. Apakah antara pencapaian yang diperolehi bagi pasukan bola baling di bawah kendalian cikgu ?
92. Apakah pertandingan peringkat tertinggi yang pernah dikendalikan oleh cikgu?
93. Adakah cikgu pernah menganjur sebarang pertandingan bola baling di peringkat sekolah?
94. Berapa ramai atlet yang telah berjaya di peringkat yang lebih tinggi- dibawah bimbingan cikgu?
95. Apakah antara pencapaian cikgu semasa menjadi seorang guru ?
96. Apakah cabaran yang dihadapi ketika cikgu menjadi seorang jurulatih ?
97. Apakah jawatan tertinggi yang pernah cikgu sandang sepanjang karier cikgu?
98. Apakah cabaran yang cikgu hadapi setelah mendapat jawatan tersebut?
99. Apakah perasaan yang dapat cikgu kongsi setelah memberikan khidmat dan mendapat pelbagai pencapaian yang baik?

BAHAGIAN F: SUMBANGAN

100. Apakah sumbangan cikgu dalam bidang pentadbiran di sekolah?
101. Apakah sumbangan cikgu dalam bidang akademik di sekolah ?
102. Apakah sumbangan cikgu dalam bidang kokurikulum di sekolah ?
103. Apakah sumbangan cikgu dalam melahirkan pelajar ataupun atlet yang dapat membanggakan pihak sekolah ?

BAHAGIAN G: HARAPAN

104. Apakah harapan cikgu kepada sekolah ?
105. Apakah harapan cikgu terhadap bidang sukan di sekolah ?
106. Adakah cikgu menyimpan harapan terhadap sekolah-sekolah di Kelantan sebaris dengan sekolah berkaliber di negeri lain ?Jelaskan
107. Apakah harapan cikgu terhadap guru lain di sekolah ?
108. Apakah harapan cikgu terhadap pelajar-pelajar di sekolah ?
109. Apakah harapan cikgu kepada bakal-bakal guru ?
110. Apakah harapan cikgu terhadap sukan bola baling di sekolah?

Penutup: [rakam selepas temubual]

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Tuan Haji Wan Pa Bin Wan Hussin di sepanjang berkhidmat sebagai Guru Akademik di SMK Sri Gunung dan Jurulatih serta Setiausaha Olahraga peringkat sekolah, daerah dan negeri Kelantan dari tahun 1982 hingga tahun 2019. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang Pendidikan dan Kejurulatihan para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

SURAT PERJANJIAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya WAN PA B. WAN HUSSIN K/P: 590125-03-5427 pada
12 JAN 2021 dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan
di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis di, sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

(Nama tokoh: Wan Pa B. Wan Hussin)
Tarikh: 12 Jan 2021

(Nama pensyarah: Nurulnisa Binti Abdullah)
b.p. Dekan
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA

INDEKS

INDEKS

A

Al-Quran Online 3

Antenna 10

Atlet iv,xi,18, 19, 20, 22, 23, 24, 25, 26, 28, 39,
50, 51, 52, 56

B

Bola sepak 5, 6, 8, 37, 56

Bukit Gelugor 7, 26

Bahasa Melayu 13, 56

Bola Baling 51, 52, 56

C

Cina 14, 21, 56

D

Duit poket 10, 56

E

Ekonomi 37, 56

F

Fisioterapi 3, 56

J

Juruteknik 3, 56

K

Kampung Ketil Pengkalan Kubur 56

Kampung Keting Gunung 2, 37, 56

Komputer 3, 5, 7, 11, 14, 16, 26, 27, 37,
38, 56

Kelantan 26, 28, 30, 34, 37, 38, 39, 46,
52, 56

M

Maahad Muhammadi 4

Matematik 37

Maktab Perguruan Persekutuan Pulau
Pinang 5

Majlis Sukan Sekolah Sekolah
Kelantan 24

N

Nilai matawang 12

O

Olahraga 52

Felda Kemahang 15, 56

P

Penyunting 3, 57

Pantai Timur 4, 42, 57

PIBG 4,57

Pohon Kemunting 5, 57

PJJ 11,57

Projektor 7, 16, 57

R

Ragbi 37, 57

S

Sekolah Kebangsaan Pengkalan Kubur 4, 57

Sekolah Rendah Cabang 4 Tok Mek Ngoh 4, 57

Sekolah Menengah Tumpat 4, 57

Sains. 4, 57

STPM 5, 12, 57

Statistic 57

Singapura 12, 57

SMJK Tiong Hwa 12, 57

Smk Batu Gajah Tanah Merah 38, 57

T

Teknologi 7, 57

U

Universiti Kebangsaan
Malaysia. 5